

PENYATA PENDEDAHAN PRODUK / PRODUCT DISCLOSURE SHEET



BANK SIMPANAN NASIONAL

Sila baca dan fahami Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil **BSN Micro-i Madani Wanita**. Sila pastikan anda juga membaca terma-terma di dalam Perjanjian Pembiayaan. Dapatkan penjelasan daripada BSN jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma amnya.

BSN Micro-i Madani Wanita

*Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take **BSN Micro-i Madani Wanita**. Be sure to also read the terms in the Financing Agreement. Seek clarification from BSN if you do not understand any part of this document or the general terms.*

Tarikh / Date : _____
Untuk diisi oleh Eksekutif Kewangan / Wakil
Cawangan / To be filled in by Financial Executive /
Branch Representative)

1. Apakah produk ini? / What is this product about?

BSN Micro-i Madani Wanita ialah satu kemudahan pembiayaan mikro yang ditawarkan kepada usahawan wanita untuk membantu mereka yang berhasrat mengembangkan perniagaan./ *BSN Micro-i Madani Wanita is a micro financing facility offered to women entrepreneurs to assist those intending to expand their businesses..*

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan untuk pembiayaan ini? / What is the applicable Shariah concept for this financing?

- Konsep Syariah yang diguna pakai bagi produk ini adalah Tawarruq (Murabahah Komoditi) yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urusan jual beli yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta merta./ *The Shariah concept used is Tawarruq (Commodity Murabahah) where a Tawarruq consists of two sales and purchase contracts. The first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis.*
- Konsep Tawarruq ini juga melibatkan kontrak Wakalah (Perwakilan) dengan menggunakan struktur 'dwi-wakalah' yang merangkumi:/ *The Tawarruq concept also involves Wakalah contract (Agency) which adopts a 'dual-agency' arrangement, involving the followings :*
 - i. Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk menyempurnakan pembelian komoditi secara Murabahah daripada Bank./ *The appointment of the Bank who acts as an agent on behalf of the customer to conclude the purchase of the commodity from the Bank on a Murabahah basis.*
 - ii. Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga./ *The appointment of the Bank who acts as an agent to sell the commodity on behalf of the customer to a third party.*

3. Apa yang boleh saya perolehi dari produk ini? / What do I get from this product?

Amaun Pembiayaan / Financing Amount	Minimum / Minimum: RM 2,000 Maksimum/ Maximum: RM 100,000
Tempoh Pembiayaan / Financing Tenure	Minimum / Minimum: – 1 tahun / 1 year Maksimum / Maximum – 7 tahun / 7 years
Kadar Keuntungan pada kadar asas tetap/ Profit Rate based on flat rate basis	3.50% sehingga 4.00% setahun / 3.50% to 4.00% per annum

4. Apakah tanggungjawab saya? / What are my obligations?

Jadual di bawah menunjukkan simulasi jumlah ansuran bulanan yang perlu dibayar / *The table below shows the simulation of monthly instalment payable:*

Amaun Pembiayaan / Financing Amount	RM 50,000
Tempoh Pembiayaan / Financing Tenure	5 tahun / 5 years
Kadar Keuntungan pada kadar asas tetap/ Profit Rate based on flat rate basis	4.00% setahun / per annum

Butiran / Details	Amaun / Amount
Satu (1) bulan ansuran terdahulu / One (1) month of advance payment	RM 1,000
Bayaran Ansuran Bulanan / Monthly Instalment	RM 1,000
Bayaran Ansuran Bulanan Terakhir / Final Instalment	RM 1,000
Jumlah Keseluruhan Pembiayaan yang Perlu Dibayar / The Total Payment of The Financing	RM 60,000

Nota / Note : Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja / *The above example is only for illustration*

5. Apakah fi lain yang perlu saya bayar? / What other fees do I have to pay?

Bil./ No.	Jenis Fi / Type of Fee	Perincian / Details												
01.	Duti Setem untuk lain-lain Dokumen Sekuriti (jika ada) / Stamp Duty on other Security Document (if any)	RM10												
02.	Reducing Term Takaful (RTT) (pilihan / optional)	Berbeza berdasarkan umur / tempoh / jumlah pembiayaan / Vary based on the age / tenure / total financing												
03.	Fi Wakalah / Wakalah Fee	RM30 akan ditolak dari amaun pembiayaan semasa pengeluaran pembiayaan kepada Pelanggan / RM30 will be deducted from financing amount upon disbursement to the Customer												
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil./ No.</th> <th>Perkara / Subject</th> <th>Fi / Fee</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Lantikan bank sebagai ejen pembeli / Bank act as purchase agent</td> <td>RM15</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Lantikan bank sebagai ejen penjual / Bank act as sell agent</td> <td>RM15</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Jumlah/ Total</td> <td>RM30</td> </tr> </tbody> </table>		Bil./ No.	Perkara / Subject	Fi / Fee	1.	Lantikan bank sebagai ejen pembeli / Bank act as purchase agent	RM15	2.	Lantikan bank sebagai ejen penjual / Bank act as sell agent	RM15	Jumlah/ Total		RM30
Bil./ No.	Perkara / Subject		Fi / Fee											
1.	Lantikan bank sebagai ejen pembeli / Bank act as purchase agent		RM15											
2.	Lantikan bank sebagai ejen penjual / Bank act as sell agent		RM15											
Jumlah/ Total		RM30												
04.	Fi Wasiat (jika ada) / Wasiat Fee (if any)	RM500												
05.	Fi Pemprosesan untuk Pengecualian Duti Setem / Processing Fee for Stamp Duty Exemption	RM10												

Nota / Note:

Semua fi adalah dengan sekali pembayaran sahaja dan akan ditolak dari amaun pembiayaan / All fees are one-off payment only and will be deducted from the financing amount.

6. Apakah implikasi sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab? / What if I fail to fulfil my obligations?

- Caj Bayaran Lewat berdasarkan kepada Ta'widh (gantirugi) akan dikenakan seperti di bawah / Late Payment Charges based on Ta'widh (compensation) will be imposed as below:

Dalam tempoh pembiayaan / Within the Facility Period	Caj Lewat Bayar tidak melebihi 1% setahun akan dikenakan ke atas amaun ansuran bulanan yang tertunggak sekiranya anda gagal membayar mana-mana bayaran ansuran bulanan dalam tempoh yang ditetapkan dari tarikh bermulanya pembiayaan dikeluarkan sehingga tarikh matang pembiayaan / Late Payment Charges (LPC) not exceeding 1% per annum will be imposed on the overdue monthly instalment payment in the event you fail to pay any monthly instalment within the stipulated period from the first disbursement of the financing until its maturity date.
Setelah tamat tempoh pembiayaan / After the Facility Period:	Kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) akan dikenakan atas kegagalan membayar keseluruhan jumlah baki tertunggak selepas tempoh matang atau selepas penghakiman diperolehi, yang mana terdahulu. / Prevailing daily overnight Islamic Interbank Money Market (IIMM) rate will be charged for failure to pay the total outstanding balance after maturity or upon judgment obtained, whichever earlier.

Nota / Note: *IIMM - Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. / *IIMM - Islamic Interbank Money Market refers to the rate as may be determined by Bank Negara Malaysia (BNM) from time to time.

- Bank berhak membuat tolakan (set-off) atau memindahkan apa-apa jumlah yang terhutang pada satu atau mana-mana akaun anda di Bank untuk menyelesaikan obligasi dan liabiliti yang terhutang dan perlu dibayar oleh anda kepada Bank tertakluk kepada notis diberikan kepada anda dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tolakan (set-off) atau pindahan tersebut dilaksanakan. / The Bank may set-off or transfer any credit balance in your account maintained with the Bank against any outstanding amount in this financing account by giving seven (7) days prior notice before such set-off or transfer.
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan dan kos berhubung apa-apa tindakan undang-undang yang diambil oleh Bank terhadap anda akan ditanggung oleh anda - jika ada. / Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices and legal cost will be borne by you - if any.
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada rekod kredit anda yang akan menyebabkan kemudahan kredit anda menjadi lebih sukar. / Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive to you.

7. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tarikh matang? / What if I fully settle the financing before its maturity?

- Penjelasan awal dibenarkan pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis secara bertulis kepada Bank. / Early settlement is allowable at any time by giving written notice to the Bank.
- Bank akan memberikan Ibra' (rebat) kepada anda bagi penjelasan awal dalam keadaan-keadaan berikut / The Bank shall grant Ibra' (rebate) to the customer where there is:
 - Penjelasan awal pembiayaan; atau / Early settlement or for early redemption of the facility; or
 - Penjelasan pembiayaan melalui cara penstrukturan semula pembiayaan; atau / Settlement of the original financing contract due to financing restructuring exercise; or

<ul style="list-style-type: none"> iii. Penjelasan penuh sebelum tempoh matang setelah berlaku keingkaran oleh pelanggan; atau / <i>Settlement by Customer in the case of default; or</i> iv. Penjelasan awal oleh anda melalui penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tempoh matangnya. / <i>Settlement by Customer in the event of termination or cancellation of financing before the maturity date.</i> • Ibra' dikira dengan formula berikut : Ibra' = Untung Belum Terakru - Caj Penjelasan Awal (jika ada). / <i>The applicable formula for Ibra' = Deferred Profit - Early Settlement Charges (if any).</i> • Bank berhak untuk mengenakan apa-apa kos sebenar yang berbangkit akibat daripada penjelasan awal tersebut. / <i>Bank reserves the rights to impose any actual cost incurred by the Bank as a result of the early settlement.</i> • Perbezaan di antara Kadar Untung Dipersetujui (<i>Contracted Profit Rate</i>) dan Kadar Untung Efektif (<i>Effective Profit Rate</i>) adalah Ibra' (rebat) yang diberikan oleh pihak Bank kepada Pelanggan. Ibra' (rebate) is the difference between the Contracted Profit Rate and the Effective Profit Rate given by the Bank to the Customer. 	
<p>8. Apakah risiko utama yang akan saya hadapi? / What are the major risks?</p>	
<p>Pihak Bank berhak untuk mengambil segala langkah yang wajar (termasuk tindakan undang-undang) ke atas anda / penjamin (jika ada) untuk mendapatkan semula jumlah tertunggak yang belum dijelaskan. / <i>The Bank reserves the right to take all reasonable steps (including legal action) against you / the guarantor (if any) to recover the outstanding sum.</i></p>	
<p>9. Adakah permohonan saya memerlukan penjamin atau cagaran? / Do I need a guarantor or collateral?</p>	
<p>Penjamin: Pihak Bank berhak untuk meminta anda menyediakan penjamin (sekiranya perlu). / <i>Guarantor: The Bank reserves the right to request for a guarantor (if necessary).</i></p>	
<p>10. Adakah saya perlu mengambil perlindungan Takaful? / Do I need any Takaful coverage?</p>	
<p>Anda digalakkan untuk mengambil Perlindungan Takaful Berkurangan [Reducing Term Takaful (RTT)]. RTT yang diambil adalah berdasarkan harga belian dan akan dibayar jika berlaku kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh. Sumbangan Takaful dikenakan hanya sekali kepada anda sebagai benefisiari dan akan ditolak dari harga belian semasa pembayaran dilakukan. / <i>You are encouraged to subscribe to Reducing Term Takaful (RTT). The RTT is subject to the purchase price and will be paid in the event of death or total permanent disability. Contribution amount is charged to you only once, where you stand as a beneficiary and shall be deducted from the financing amount during disbursement.</i></p>	
<p>11. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya? / What do I need to do if there are changes to my contact details?</p>	
<p>Adalah sangat penting untuk anda memaklumkan kepada Bank secara bertulis atau melalui emel jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda. Ini bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. / <i>It is important that you inform us any changes in your contact details (in writing or email) to ensure that all correspondences reach you in the timely manner.</i></p>	
<p>12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau maklumat lanjut? / Where can I get assistance and redress?</p>	
<p>Jika anda mempunyai kesukaran membuat pembayaran, anda perlu menghubungi pihak Bank dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh hubungi kami di: / <i>If you have difficulties in making monthly payments, you should contact us earliest possible to discuss payment alternatives. You may contact us at:</i></p> <p>Pusat Perhubungan Pelanggan Bank Simpanan Nasional Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas) Emel/Email: customercare@bsn.com.my</p>	<p>Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan Perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di / <i>Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:</i></p>
<p>Jika anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi pihak bank di / <i>If you wish to complaint on the products or services provided by us, you may contact us at:</i></p> <p>Pusat Perhubungan Pelanggan Bank Simpanan Nasional Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas) Emel/Email: customercare@bsn.com.my</p>	<p>Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra Commerce, Jln Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur Tel: 03-2616 7766 Emel/Email : enquiry@akpk.org.my</p>

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di / *If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK at:*

BNMLINK

Jabatan Komunikasi Korporat

Bank Negara Malaysia

P.O.Box 10922

50929 Kuala Lumpur

Tel: 1300 88 5465

Borang Web/Web Form: <https://bnmlink.bnm.gov.my/>

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Khidmat Nasihat Pembiayaan di Credit Guarantee Corporation Malaysia yang memberikan nasihat kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang tidak dapat memperoleh pembiayaan PKS daripada institusi kewangan. Sekiranya anda berminat untuk menerima khidmat nasihat daripada Khidmat Nasihat Pembiayaan @ CGC, sila hubungi / *Alternatively, you can get the Financing Advice Service at Credit Guarantee Corporation Malaysia which provides financial advice to Small and Medium Enterprises (SMEs) who cannot obtain SME financing from financial institutions. If you are interested in receiving advice from Khidmat Nasihat Pembiayaan @ CGC, please get in touch:*

Laman web/Website: <https://www.bnm.gov.my/MyKNP>

13. Dimana boleh saya memperolehi informasi dengan lebih lanjut? / Where can I get further information?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai pembiayaan mikro kewangan, sila rujuk laman web www.bsn.com.my. / *Should you require additional information on Micro Finance Financing, please refer to www.bsn.com.my website.*

14. Lain-lain produk Skim Pembiayaan Mikro Kewangan BSN yang disediakan / Other micro financing packages available

- BSN Micro-i (Cashline)
- BSN Micro-i (PKBC -Tawarruq)

PENAFIAN / DISCLAIMER :

Terma dan syarat di dalam Penyata Pendedahan Produk ini hanya sebagai maklumat dan tidak muktamad. Terma dan syarat yang muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian Pembiayaan selepas penilaian dan kelulusan pihak Bank. / *The terms and conditions indicated in this Product Disclosure Sheet are tentative / indicative and not binding on the Bank. The final terms and conditions are as stipulated in the Financing Agreement after financing approval.*

Saya dengan ini telah membaca dan memahami terma dan syarat di atas / *Hereby I have read and understand the terms and conditions above.*

Tandatangan Pelanggan / *Customer's Signature*

CATATAN PENTING : TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIKENAKAN SEKIRANYA BERLAKU KEMUNGKIRAN DALAM PEMBAYARAN PEMBIAYAAN MIKRO ANDA. / *IMPORTANT NOTE : LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU DO NOT KEEP UP PAYMENTS ON YOUR MICRO FINANCING.*

Semua maklumat yang diberikan dalam Penyata Pendedahan Produk ini adalah sah mulai 10 Februari 2025. / *All information provided in this Product Disclosure Sheet is valid with effect from 10 February 2025.*